

♥17/07/16-24MST
U GB 17-07 00217 BA630
A A R

Ghafar - Mahathir

MAHATHIR LAYAK TERUS BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN SELEPAS BERSARA
TATPTNG, 17 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berpendapat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad layak meneruskan tugas sebagai menteri kanan sekalipun selepas beliau bersara daripada memimpin negara ini.

Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang berkaliber, maka khidmatnya masih diperlukan negara dan rakyat walaupun selepas beliau bersara, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan dengan rakyat, di sini, hari ini.

Beliau berkata demi kian sebagai mengulas kenyataan Pengerusi Kumpulan Melewar Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman dalam temubual dengan RTM yang disiarkan dalam akhbar baru-baru ini yang mencadangkan Dr Mahathir dilantik sebagai Menteri Kanan seperti Lee Kuan Yew di Singapura sekiranya Malaysia menghadapi masalah selepas Dr Mahathir mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri.

Tunku Abdullah berkata, pada umumnya suasana politik dan perniagaan di Malaysia adalah baik dan beliau menjangkakan keadaan ini akan berterusan sekalipun selepas Dr Mahathir bersara kerana Barisan Nasional mempunyai pemimpin yang berkualiti tetapi seandainya Malaysia menghadapi masalah selepas itu, Dr Mahathir perlu dilantik menduduki jawatan penting dalam Kabinet.

Sambil menyifatkan idea yang dikemukakan Tengku Abdullah itu sebagai sangat baik, Ghafar berkata: "Kalau dia (Dr Mahathir) mahu pegang apa sahaja jawatan selepas dia bersara, saya percaya rakyat akan beri sokongan kepada dia." -- Lagi.

♥17/07/15-24MST

CNS6183
U GB 17-07 00208 AA631
AAB

Ghafar - Mahathir 2 (Akhir) Tai ping

"Saya percaya Perdana Menteri ketika itu akan terima dia semula menduduki jawatan penting dalam kabinet ketika itu," kata Ghafar lagi.

Menurutnya, ini kerana Dr Mahathir mempunyai banyak kelebihan yang melayakkannya untuk diberi jawatan menteri kanan ketika itu, bukan sahaja sebagai menghargai jasanya selama ini, tetapi juga kerana beliau telah membuktikan bahawa beliau benar-benar berkebolehan sehingga dikenali pada peringkat antarabangsa.

Ketika ditanya apakah Dr Mahathir ada membayangkan akan mengundurkan diri, Ghafar berkata: "Perdana Menteri tidak pernah membayangkan hasrat itu, cuma saya sahaja membayangkan harapan saya mahu mlihat. Dr Mahathir terus sihat supaya dapat memerintah negara sehingga akhir hayat."

Beliau juga menyanjung sifat peribadi Dr Mahathir yang begitu merendah diri tidak mahu dan tidak suka diberi sanjungan dengan pelbagai gelaran serta memiliki peribadi yang dihormati tidak terbabit dalam sebarang gejala yang boleh mengaitkan beliau dengan sebarang fitnah.

Sehubungan itu, Ghafar menggesa rakyat membantu kerajaan yang dipimpin Dr Mahathir untuk memastikan Malaysia muncul sebagai sebuah negara maju.

"Setelah negara kita membangun, maju dan dapat menghapuskan pengangguran baru kita dikenali pada peringkat antarabangsa dan sekaligus orang luar akan menyanjung tinggi dan dengar cakap pemimpin kita, Dr Mahathir," tambah beliau. -- Bernama.

MUS KAM

♥17/07/15-27MST

CNS6303

U GB 17-07 00131 HA648

AAR

Ghafar = Mahathir 3 (Akhir) Taiping (Sambungan Berita)

Mengenai kajian semula oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad berhubung cadangan membina landasan dari Kuantan ke Pelabuhan Klang, Ghafar berkata, ia perlu berikutan cadangan kerajaan membina lebuh raya persisiran pantai di Pantai Barat dan Pantai Timur bagi memajukan kawasan luar bandar.

Ghafar berkata, cadangan pembinaan lebuh raya persisiran pantai di Pantai Barat akan menghubungkan Pelabuhan Klang-Tumut hingga ke Pulau Pinang manakala lebuh raya persisiran pantai di Pantai Timur akan menghubungkan Kuala Terengganu, Kuantan, Mersing dan Johor Baharu.

Menurutnya, kajian semula itu akan menilai daripada segi teknikal dan kemampuan kewangan kerajaan dan ia merupakan projek jangka panjang. Ghafar berkata, KTMR akan memberi taklimat mengenai cadangan projek itu kepada masyarakat minggu depan. -- Bernama.

MUS KAM